



KENYATAAN MEDIA

SEKTOR PERBANKAN MENGENALKAN LANGKAH-LANGKAH *INTERIM*

1. Berikutan penularan pandemik COVID-19, Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), bersama Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MoFE), telah membuat perundingan dengan industri kewangan dan pihak-pihak yang berkepentingan dalam menangani impak COVID-19 kepada sektor swasta di Negara Brunei Darussalam. Bersama dengan Persatuan Bank-Bank Brunei (BAB), beberapa langkah *interim* untuk mengurangkan beban kewangan kepada beberapa sektor perniagaan telah dipersetujui.
2. Bagi menyokong sektor-sektor perniagaan tersebut dan memastikan kegiatan ekonomi juga tidak turut terjejas, AMBD dan BAB, bersama MoFE, mengenalpasti peranan penting industri perbankan dan bersetuju dengan langkah-langkah berikut, untuk tempoh enam bulan mulai 1 April 2020:
 - i. Untuk menyokong sektor-perniagaan dalam bentuk penangguhan pembayaran pokok pinjaman / pembiayaan selama enam bulan bagi sektor-sektor berikut:
 - a) Pelancongan;
 - b) *Hospitality* seperti perhotelan/ Pengurusan acara;
 - c) Restoran / kafe (makanan dan minuman); dan
 - d) Pengangkutan udara.
 - ii. Di samping itu, penangguhan ini juga akan dilaratkan kepada perusahaan dalam bidang pengimpotan bekalan makanan dan perubatan untuk membantu keperluan aliran tunai yang lebih tinggi dalam memenuhi peningkatan permintaan orang ramai.
 - iii. Semua bayaran dan caj bank, kecuali caj pihak ketiga, yang berkaitan dengan transaksi perdagangan dan pembayaran bagi syarikat-syarikat dalam sektor-sektor ini, tidak akan dikenakan untuk tempoh enam bulan. Ini akan membantu perniagaan untuk terus berdaya tahan dan seterusnya memberikan manfaat kepada orang ramai.
3. Dalam usaha untuk menggalakkan penjarakkan sosial (*social distancing*) dan mengurangkan lawatan ke bank-bank, bayaran dan caj pemindahan antara bank secara *online* juga akan dikecualikan selama enam bulan untuk semua pelanggan. Orang awam adalah digalakkan untuk menggunakan *platform* pembayaran *digital* yang ditawarkan oleh bank-bank dan perkhidmatan pembayaran *digital* yang lain.
4. Bank-bank adalah digalakkan untuk meneliti kadar pinjaman/ keuntungan mengikut keadaan persekitaran semasa.

5. Setiap bank mempunyai inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) masing-masing, dan bank-bank akan memperluaskan aktiviti-aktiviti berkenaan.
6. Dengan kerjasama semua pihak berkepentingan dan dengan mengambilkira pendekatan *whole of nation*, sektor swasta adalah diharapkan untuk memainkan peranan masing-masing termasuk mengekalkan tenaga kerja yang sedia ada, dengan adanya langkah-langkah bantuan ini.
7. AMBD ingin memberi jaminan kepada orang ramai bahawa sektor perbankan Negara Brunei Darussalam kekal berdaya tahan, kukuh dan mempunyai dana modal yang mencukupi. AMBD akan terus memantau perkembangan situasi ini bersama dengan institusi-institusi kewangan, dan akan melaksanakan langkah-langkah tambahan, jika perlu.
8. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi bank-bank atau AMBD di 2388388 atau info@ambd.gov.bn.

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Tarikh: 24 Rejab 1441 / 19 Mac 2020

Rujukan: AMBD/COMMS/3